



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PENAWARAN PEKERJAAN DIKLANKAN DALAM TALIAN DI
MALAYSIA SUKU PERTAMA 2026**

**Juruteknik merekodkan penawaran pekerjaan tertinggi dalam
bidang TVET dan STEM dengan 6,505 penawaran pada
suku pertama 2026**

PUTRAJAYA, 25 JUN 2026 – Pada suku pertama 2026, juruteknik merekodkan jumlah penawaran pekerjaan tertinggi dalam bidang TVET dan STEM, iaitu pada 6,505 penawaran pekerjaan, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) seperti dilaporkan dalam terbitan **Analisis Data Raya: Job Market Insights Penawaran Pekerjaan Diiklankan Dalam Talian di Malaysia, ST1 2026**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Bilangan penawaran pekerjaan yang diiklankan secara dalam talian pada suku pertama 2026 meningkat 6.6 peratus kepada 626,861. Sementara itu, bilangan syarikat yang mengiklankan penawaran pekerjaan menurun daripada 80,287 pada suku keempat 2025 kepada 79,499 pada suku pertama 2026. Penawaran pekerjaan dalam talian tertumpu kepada kategori Profesional, merangkumi 50.4 peratus atau 315,768 penawaran pekerjaan pada suku pertama 2026, berbanding 272,698 penawaran pekerjaan pada suku keempat 2025. Kategori Pengurus merekodkan 99,447 penawaran, diikuti oleh Juruteknik dan Profesional Bersekutu dengan 93,987 penawaran pekerjaan. Permintaan yang lebih tinggi diperhatikan bagi Profesional Pengiklanan dan Pemasaran (48,186 penawaran pekerjaan), diikuti Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif (26,869 penawaran pekerjaan), Profesional Bersekutu Pentadbiran (26,257 penawaran pekerjaan), Akauntan dan Juruaudit (24,784 penawaran pekerjaan) serta Pembangun Perisian (20,089 penawaran pekerjaan)."

Beliau menambah, “Sektor Perkhidmatan terus mendominasi dengan 78.8 peratus atau 494,182 penawaran pekerjaan pada suku pertama 2026, berbanding 84.4 peratus pada suku keempat 2025. Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal merekodkan jumlah penawaran pekerjaan tertinggi dalam sektor Perkhidmatan dengan 176,508 penawaran, diikuti Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal dengan 69,796 penawaran pekerjaan, Aktiviti Pentadbiran dan Khidmat Sokongan dengan 53,784 penawaran pekerjaan, Aktiviti Pembuatan dengan 41,263 penawaran pekerjaan serta Aktiviti Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman dengan 38,883 penawaran pekerjaan.”


Menurut Ketua Perangkawan, “Tiga (3) penawaran pekerjaan tertinggi mengikut kumpulan pekerjaan (MASCO 6-digit) dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada suku pertama 2026 ialah Juruteknik (6,505 penawaran pekerjaan), diikuti Jurutera (6,080 penawaran pekerjaan) dan Pengurus Jualan (5,755 penawaran pekerjaan). Dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Juruteknik merekodkan bilangan penawaran pekerjaan tertinggi iaitu 6,505 penawaran pekerjaan, diikuti Jurutera (6,080 penawaran pekerjaan) dan Pengurus Akaun (4,787 penawaran pekerjaan). Bagi Senarai Pekerjaan Kritikal (COL), penawaran tertinggi adalah Eksekutif Jualan (9,590 penawaran pekerjaan), diikuti Eksekutif Akaun (7,088 penawaran pekerjaan) serta Penolong Pengurus (6,681 penawaran pekerjaan).”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)**, dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Bilangan Penawaran Pekerjaan yang Diiklankan dalam Talian, ST1 2023 - ST1 2026



Carta 2: Bilangan Syarikat yang Mengiklankan Penawaran Pekerjaan dalam Talian, ST1 2023 – ST1 2026




Paparan 1: Penawaran Pekerjaan Diiklankan dalam Talian mengikut Kumpulan Utama Pekerjaan, ST1 2026 & ST4 2025




Paparan 2: Penawaran Pekerjaan Diiklankan dalam Talian mengikut Pekerjaan Popular, ST1 2026 & ST4 2025



Paparan 3: Penawaran Pekerjaan Diiklankan dalam Talian mengikut Aktiviti Ekonomi ST1 2026 & ST4 2025



Paparan 4: Penawaran Pekerjaan Tertinggi Diiklankan dalam Talian bagi Kumpulan Pekerjaan dalam TVET, STEM dan COL, ST1 2026 & ST4 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 JUN 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

JOB OFFERINGS ADVERTISED ONLINE IN MALAYSIA FIRST QUARTER 2026

Technicians recorded the highest job postings in both TVET and STEM fields with 6,505 job offerings in the first quarter of 2026

PUTRAJAYA, 25 JUNE 2026 – In the first quarter of 2026, technicians accounted for the highest number of job offerings in the TVET and STEM sectors, with 6,505 offerings recorded, according to the Department of Statistics Malaysia (DOSM) as reported in the release **Big Data Analytics: Job Market Insights Online Job Offerings Advertised in Malaysia, Q1 2026**.

The Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, stated, "The number of online job offerings advertised in the first quarter of 2026 increased by 6.6 per cent to 626,861. Meanwhile, the number of companies advertising job offerings decreased to 79,499 in the first quarter of 2026 from 80,287 in the fourth quarter of 2025. Online job offerings were concentrated in the Professional category, accounting for 50.4 per cent or 315,768 job offerings in the first quarter of 2026, compared to 272,698 job offerings in the fourth quarter of 2025. Managers category recorded 99,447 job offerings, followed by Technicians and Associate Professionals with 93,987 job offerings. Higher demand was observed for Advertising and Marketing Professionals (48,186 job offerings), followed by Managing Directors and Chief Executives (26,869 job offerings), Administrative Associate Professionals (26,257 job offerings), Accountants and Auditors (24,784 job offerings), as well as Software Developers (20,089 job offerings)."

The Chief Statistician further added, "The Services sector continued to dominate, accounting for 78.8 per cent or 494,182 job offerings in the first quarter of 2026, compared to 84.4 per cent in the fourth quarter of 2025. The Wholesale and Retail Trade; Repair of Motor Vehicles and Motorcycles subsector recorded the highest number of job offerings within the Services sector, at 176,508 job offerings, followed by Professional, Scientific and Technical Activities (69,796 job offerings), Administrative and Support Service Activities (53,784 job offerings), Manufacturing

(41,263 job offerings), and the Accommodation and Food Service Activities (38,883 job offerings).”


According to the Chief Statistician, “The top three job offerings by occupation group (MASCO 6-digit) in the Technical and Vocational Education and Training (TVET) field in the first quarter of 2026 were Technician (6,505 job offerings), followed by Engineer (6,080 job offerings) and Sales Managers (5,755 job offerings). In the Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) field, Technician recorded the highest number of job offerings at 6,505, followed by Engineer (6,080 job offerings) and Account Managers (4,787 job offerings). For the Critical Occupations List (COL), the highest job offerings were Sales Executives (9,590 job offerings), followed by Account Executives (7,088 job offerings) and Assistant Managers (6,681 job offerings).”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.


Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Number of Online Job Offerings Advertised,
Q1 2023 – Q1 2026**



**Chart 2: Number of Companies with Advertised Online Job Offerings,
Q1 2023 - Q1 2026**



**Exhibit 1: Job Offerings Advertised Online by Major Occupation Groups
Q1 2026 & Q4 2025**




Exhibit 2: Job Offerings Advertised Online by Hottest Job, Q1 2026 & Q4 2025



Exhibit 3: Job Offerings Advertised Online by Economic Activity Q1 2026 & Q4 2025





Exhibit 4: Highest Job Offerings Advertised Online for Occupation Groups in TVET, STEM and COL, Q1 2026 & Q4 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
25 JUNE 2026